

Othman Bin Mohd. Yunus dan Mohamad Mohd. Derus

Universiti Teknologi MARA Perak  
Kampus Seri Iskandar, Bota, Perak Darul Ridzuan

### Abstrak

*Kajian ini melihat pembolehubah keinginan untuk cemerlang dan personaliti dalaman dan hubungannya dengan prestasi akademik. Kedua-dua keinginan untuk cemerlang dan memiliki personaliti dalaman pada aras yang tinggi di anggap penting dalam menentukan tahap daya usaha seseorang individu sentiasa tinggi bagi memastikan kejayaan. Seramai 229 responden telah menyertai kajian ini dengan menjawab soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu; 'Mehrabian Achievement Scale' (MAS) dan 'Rotter I-E Scale' (RIES). Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar Melayu mempunyai keinginan untuk cemerlang dan personaliti dalaman pada aras yang sederhana tinggi namun mengatribusikan kejayaan kepada faktor usaha.*

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan di antara keinginan untuk cemerlang dan personaliti dalaman-luaran dengan prestasi akademik di kalangan pelajar Melayu. Ini kerana apabila dibincangkan tentang prestasi akademik pelajar Melayu, pada dasarnya perbincangan kerap menjurus kepada faktor-faktor penyebab kepada rendahnya prestasi akademik pelajar Melayu. Pelbagai faktor seperti pemakanan yang kurang berzat, faktor sosioekonomi dan kegagalan mereka untuk mengimbangi di antara aktiviti bukan akademik dengan aktiviti akademik telah dijadikan alasan.

### Keinginan untuk Cemerlang dan Personaliti Dalaman

Keinginan untuk cemerlang merupakan satu daripada tiga faktor pendorong berasaskan kepada keperluan yang dikenalpasti oleh McClelland (1961). Keperluan-keperluan yang sedia ada pada individu ini dikenalpasti oleh McClelland sebagai faktor penyebab individu memperagakan sesuatu tingkah laku. Dua lagi keperluan yang menjadi pendorong kepada individu untuk memperagakan tingkah laku ialah; keinginan untuk berkuasa dan keinginan untuk bersosial atau untuk berada bersama dengan individu lain.

Bagi Mc Clelland (1961), keinginan untuk cemerlang adalah satu dorongan atau galakan yang terpendam yang menimbulkan keinginan kepada individu untuk membuat kerja-kerjanya dengan baik dan memuaskan tetapi bukanlah keinginan untuk berjaya mengelakkan kegagalan. Keinginan untuk cemerlang dilihat sebagai satu kehendak untuk menjadi lebih berjaya yang mana ianya disokong atas dasar cita-cita serta aspirasi

nya keinginan untuk cemerlang dalam kajian ini oleh Mc Clelland (1961) yang merujuk keinginan untuk cemerlang dari sudut perasaan (afektif) yakni satu keupayaan untuk mengalami perasaan bangga hasil daripada sesuatu kejayaan. Pendapat ini dikembangkan dari pendapat awal Mc Clelland (1953) di mana beliau berpendapat bahawa keinginan untuk cemerlang dari sudut afektif merupakan satu konsep berkaitan dengan desakan dalaman yang ada pada diri individu. Desakan dalaman ini mendorong individu untuk berusaha bagi mencapai kepuasan yang mana boleh dikecapi hasil dari sesuatu kejayaan.

Rotter (1966) pula dalam membicarakan tentang faktor kejayaan merujuk kepada peranan personaliti. Beliau berpendapat bahawa individu mempunyai dua set personaliti yang mengawal dirinya iaitu personaliti dalaman (internal) dan personaliti luaran (external). Rotter mendatangkan andaian bahawa individu yang lebih kepada personaliti dalaman adalah individu yang lebih cenderung untuk mencapai kecemerlangan berbanding dari mereka yang mempunyai personaliti luaran. Bagi Rotter, personaliti dalaman berkaitan dengan pembelajaran justeru mendorong dan menyokong kepada usaha untuk mencapai kejayaan. Personaliti luaran pula menghalang pembelajaran dan menggalakkan individu menjadi pasif.

Seperti individu yang mempunyai keinginan untuk cemerlang, individu yang mempunyai personaliti dalaman juga mempunyai keinginan untuk berasa bangga. Kajian oleh Othman Md Yunus dan Mohmed Mohamad Derus (2006) mendapati bahawa individu yang mempunyai personaliti dalaman mempunyai perasaan bangga diri yang lebih tinggi berbanding individu berpersonaliti luaran. Hasil kajian ini menyokong dapatan hasil kajian Griffore, Kallen, Popovich, & Powell (1990). Mereka percaya bahawa golongan individu yang berpersonaliti dalaman mempunyai keupayaan untuk berjaya dalam kehidupan dan lebih puas dengan kerja mereka. Individu berpersonaliti dalaman juga cenderung untuk memegang jawatan yang berisiko. Kajian ke atas mereka yang berpersonaliti dalaman juga mendapati mereka bukan sahaja lebih puas dengan perkerjaan mereka malahan kurang ponteng kerja, dan lebih terlibat dengan tugas mereka (Brockner, 1988).

Menurut Mc Clelland (1961), individu yang mempunyai aras keinginan untuk cemerlang yang tinggi juga mempunyai ciri-ciri seperti suka membuat sesuatu kerja yang berkaitan dengan sesuatu yang boleh dianggapnya sebagai satu kejayaan, mengerjakan sesuatu dengan gigih, suka mengambil risiko yang sederhana, lebih suka membuat kerja di mana individu itu bertanggungjawab bagi kejayaan itu, suka mendapatkan maklum balas mengenai pencapaiannya, lebih pentingkan masa depan daripada masa sekarang atau masa lepas, dan tabah apabila menempuh kegagalan. Mereka juga dapat dicirikan sebagai mempunyai tahap aspirasi yang realistik, lebih suka kepada situasi di mana risikonya adalah sederhana, berusaha untuk menyelesaikan satu-satu tugas yang mereka kerjakan dan dapat mengingat kembali dengan baik pada tugas-tugas yang belum diselesaikan.

Ciri-ciri individu yang mempunyai keinginan untuk cemerlang ini juga ada pada individu berpersonaliti dalaman. Hasil kajian menunjukkan personaliti dalaman juga mempunyai korelasi dengan faktor-faktor seperti bertanggungjawab kepada tindakan sendiri, lebih

mampu mengawal diri yang lebih baik (Lefcourt, 1988), rasa tertekan (Nunn, 1988), keupayaan untuk mengeneikan ganjaran jangka pendek bagi matlamat jangka panjang (Miller, 1978; Strickland, 1973), keupayaan untuk menyesuaikan diri di rumah, sekolah dan dalam hubungan rakan sebaya (Nowicki & Duke, 1983; Nunn, 1987).

Teori keinginan untuk cemerlang McClelland telah diuji oleh ramai pengkaji dan mereka telah memberi sokongan terhadap teori ini (Wan Rafaei, 1972, 1980). Kajian yang dilakukan oleh McClelland dan Winter (1969) juga menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap keinginan untuk cemerlang yang tinggi, melakukan tugas dengan baik dalam pekerjaan-pekerjaan yang memberi mereka peluang untuk rasa bertanggungjawab secara peribadi, menyediakan maklum balas dan yang mempunyai risiko yang sederhana.

Kajian-kajian juga menunjukkan bahawa personaliti dalaman mempunyai kesan ke atas individu baik dari segi prestasi, motivasi mahupun kepuasan diri. Individu yang mempunyai personaliti dalaman didapati lebih bersedia untuk mengawal persekitarannya terutama bila kejayaan melaksanakan tugas memerlukan kemahiran dari bergantung kepada nasib. Bagi Nunn (1988), individu yang mempunyai personaliti dalaman merasa kurang tertekan dalam melaksanakan tugas berbanding dengan individu yang mempunyai personaliti luaran. Selain itu, sementara individu yang mempunyai personaliti dalaman cepat bertindak mengawal persekitaraannya, individu yang mempunyai personaliti luaran pula bertindak pasif dan cuba mengelak diri dari mengawal persekitaran. Daripada bertindak mengurangkan tekanan, mereka rela merasa tertekan.

Kajian yang berpanjangan (longitudinal) yang di jalankan oleh McClelland (1961) ke atas pelajar-pelajar dari Wesleyan, mendapati bahawa 83 peratus pelajar yang berjaya menjadi pengusaha atau berada dalam pekerjaan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan mempunyai skor keinginan untuk cemerlang yang tinggi semasa berada di universiti. Kajian validasi-rentas yang dijalankan oleh McClelland ke atas pelajar tahun 1954 dan 1955 pula membuktikan pelajar lelaki yang mempunyai tahap keinginan untuk cemerlang yang tinggi, berkecenderungan untuk menjadi usahawan.

Bose, Gupta dan Lindgren (1979) dalam kajian mereka pula, mendapati aras keinginan untuk cemerlang pelajar-pelajar kejuruteraan adalah lebih tinggi berbanding dari pelajar-pelajar bukan kejuruteraan. Sementara itu kajian yang dijalankan oleh Rutter dan rakan-rakan (2005) pula mendapati bahawa pelajar-pelajar sama ada dari segi jantina maupun aras gred dari jurusan Sains Pendidikan Keluarga dan Kepenggunaan mempunyai aras keinginan untuk cemerlang yang lebih tinggi berbanding dengan keinginan bersosial (affiliation) dan kuasa (power). Pelajar lelaki bagaimanapun didapati mempunyai aras keinginan untuk cemerlang yang lebih tinggi dari pelajar perempuan.

Kajian Keats, Keats dan Mohammad Hj. Yusof (1975) untuk melihat atribusi pencapaian pelajar di sekolah-sekolah di Malaysia dan Australia mendapati remaja Melayu mengatribusikan kejayaan di sekolah kepada usaha sendiri, remaja Australia kepada kebolehan sendiri, sementara remaja India kepada guru. Bagi remaja Cina pula, mereka telah mengatribusikan kejayaan mereka kepada kedua-dua faktor iaitu; usaha sendiri dan

kerana jika remaja Melayu mengatribusikan kejayaan mereka kepada kemungkinan aras keinginan untuk cemerlang yang rendah dan ketidakmampuan mengawal diri secara dalaman mempengaruhi prestasi akademik mereka.

Teori keinginan untuk cemerlang McClelland juga telah diuji oleh Wan Rafaei (1972, 1980) dan berpendapat ianya boleh menerangkan tingkah laku pelajar-pelajar khasnya pelajar-pelajar Melayu. Wan Rafaei (1972) dalam kajiannya membandingkan keinginan untuk cemerlang di antara pelajar Melayu dan pelajar Australia diperingkat sekolah menengah mendapati bahawa terdapat perbezaan yang disignifikan dalam tahap keinginan untuk cemerlang dengan pelajar sekolah menengah di Australia mempunyai keinginan untuk cemerlang yang lebih tinggi. Dalam kajian perbandingan di antara pelajar Melayu dengan pelajar-pelajar di United Kindom pula Wan Rafaei (1980) juga mendapati keinginan untuk cemerlang murid-murid di United Kingdom adalah lebih tinggi.

Keinginan untuk cemerlang sahaja tidak menjanjikan pencapaian matlamat. Ianya mestilah disertakan dengan sifat-sifat diri yang boleh membantu pencapaian matlamat. Sehubungan itu sifat mampu untuk mengawal diri dalam menentukan apa yang hendak dilakukan atau tidak, mestilah ada dalam diri individu itu. Rotter (1966), berpendapat bahawa keupayaan seseorang individu mengawal diri atau perlakuannya berpusat sama ada dari dalam diri individu itu sendiri (berpersonaliti dalaman) atau dari luar dirinya (berpersonaliti luaran).

Berdasar kepada perbincangan di atas terdapat keselarasan kepada ciri-ciri individu yang mempunyai keinginan untuk cemerlang yang tinggi dengan ciri-ciri individu yang mempunyai personaliti dalaman. Dalam erti kata lain untuk cemerlang, individu mesti memiliki aras keinginan untuk cemerlang yang tinggi dan personaliti dalaman.

#### **KAEDAH PENYELIDIKAN:**

Di dalam kajian ini keinginan untuk cemerlang dilihat dari sudut perasaan (afektif). Bagi McClelland (1961) dorongan untuk berjaya (keinginan untuk cemerlang dari aspek afektif) boleh terhasil dari perasaan bangga dengan sesuatu kejayaan yang dicapai. Dari aspek afektif ini, tahap keinginan untuk cemerlang diukur dengan menggunakan soal selidik -Mehrabian Achievement Scale-(MAS).

Kajian telah di jalankan di salah sebuah universiti awam di Perak. Seramai 229 orang pelajar telah mengembalikan borang soalselidik yang telah diedarkan. Dari 229 orang responden, seramai 100 orang memperoleh CGPA 3.00 dan lebih dan dianggap cemerlang dalam akademik. Sementara bakinya seramai 129 memperoleh CGPA 2.99 dan kurang dan dikategorikan sebagai kurang cemerlang dalam akademik.

Alat kajian yang digunakan ialah set soal selidik yang piawai iaitu -Mehrabian Achievement Scale-(MAS) dan -Rotter I-E Scaleø (RIES). -Mehrabian Achievement

mengukur keinginan untuk cemerlang dari aspek afektif. digunakan bagi mengukur personaliti dalaman-luaran (internal-external) responden iaitu sama ada responden memiliki personaliti dalaman atau personaliti luaran. Alat-alat ini digunakan kerana kesahihannya telah diuji dan dibuktikan.

Dalam bentuk asalnya, alat-alat ini adalah dalam bahasa Inggeris. Alat-alat ukuran yang digunakan dalam kajian ini telah pun diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan cara back translation seperti yang disarankan oleh Brislin, Lonner dan Thorndike (1973) supaya terhasil kesetaraan alat ujian. Hipotesis-hipotesis yang dibina telah diuji dengan ujian  $t$  untuk melihat sama ada dua purata tertentu berbeza dengan keertian dalam populasi dan dengan ujian Khi Kuasa Dua ( $X^2$ ) untuk melihat hubungan antara dua pemboleh ubah.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Tujuan pertama kajian ini adalah untuk melihat sama ada pelajar Melayu memiliki keinginan untuk cemerlang dari sudut afektif.

### *Aras keinginan untuk cemerlang*

Secara keseluruhan min keinginan untuk cemerlang dari sudut afektif responden dalam kajian adalah pada aras yang sederhana tinggi ( $M = 0.60$ ,  $SL = 0.49$ ).

Keputusan kajian ini boleh dijangkakan kerana tempat kajian merupakan sebuah universiti khusus untuk bumiputra. Dalam keadaan masyarakat yang terdiri dari satu bangsa sahaja maka wujud persekitaran yang agak stabil dan kurangnya darjah persaingan. Dengan ketidak hadiran pelajar-pelajar dari kaum lain maka pelajar-pelajar Melayu merasakan kedudukan mereka tidak tergugat justeru persekitaran untuk bersaing menjadi rendah. Keadaan ini menjadi ketara dalam masyarakat Melayu yang dikenalpasti sebagai masyarakat yang mengamalkan kerjasama dan tolong-menolong di kalangan ahlinya.

Fenomena pemikiran pelajar-pelajar Melayu ini amat menarik memandangkan hasil kajian ini menunjukkan bahawa pola pemikiran mereka tidak banyak berubah dengan pemikiran pelajar-pelajar Melayu di tahun 70-an dan 80-an seperti yang dikenalpasti oleh pengkaji-pengkaji awal seperti Wan Rafaei dan Keats, Keats dan Mohammad Hj. Yusof. Selepas lebih dari 20 tahun, anjakan paradigma pemikiran kearah keinginan untuk cemerlang di kalangan pelajar Melayu masih tidak berlaku seperti yang diharapkan dan keadaan ini ditunjukkan melalui hasil keputusan kajian ini. Keinginan untuk cemerlang yang sederhana tinggi seperti mengesahkan andaian yang mengatakan bahawa rendahnya prestasi akademik pelajar Melayu dan Bumiputera berkait dengan sikap apati yang ada pada masyarakat itu sendiri. Pelajar Melayu (termasuk ibu bapa mereka) dikatakan mempunyai tanggapan bahawa oleh kerana mereka merupakan masyarakat peribumi, maka hak mereka untuk mendapatkan pekerjaan adalah dijamin oleh kerajaan. Oleh itu



cemerlang dalam akademik.

lak dalam akademik, peluang pekerjaan untuk mereka  
justeru tidak perlulah untuk mereka bersaing untuk

Jadual 1 menunjukkan keputusan kajian yang melihat keinginan untuk cemerlang di antara pelajar yang mempunyai prestasi akademik tinggi dan rendah.

Pada skala MAS, analisis min menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min keinginan untuk cemerlang dari sudut afektif di kalangan pelajar yang mempunyai CGPA 3.00 ke atas iaitu 0.57 sementara min pelajar yang mempunyai CGPA kurang dari 2.99 ialah 0.64. Justeru, hasil kajian ini menunjukkan bahawa keinginan untuk cemerlang dari sudut afektif pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang rendah (CGPA kurang dari 2.99) adalah lebih tinggi dari mereka yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi. Keadaan ini dapat diterangkan dalam konteks pelajar-pelajar yang prestasi akademik yang tinggi mungkin lebih matang dan mampu mengkaitkan rasa bangga dengan kejayaan yang berpunca dari hasil usaha sendiri dari nasib atau pertolongan dari orang lain. Keadaan ini agak berbeza bagi pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang rendah yang mana mampu mengalami rasa bangga tanpa mengkaitkannya dengan usaha dan tenaga mereka.

**Jadual 1: Min, Sisihan Lazim dan Nilai  $t$  Mengikut Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Ukuran MAS**

| Pencapaian Akademik | Bil | Min  | SL   | df  | $t$  | $k$  |
|---------------------|-----|------|------|-----|------|------|
| < 2.99              | 100 | 0.64 | 0.48 | 227 | 1.13 | >.05 |
| > 3.00              | 129 | 0.57 | 0.50 |     |      |      |

Keputusan ujian  $t$  bagaimanapun menunjukkan bahawa perbezaan keinginan untuk cemerlang dari sudut afektif mereka adalah tidak signifikan ( $t(227) = -1.13, k > 0.05$ ). Keputusan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan pada keinginan untuk cemerlang dari sudut afektif di kalangan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi berbanding dengan mereka yang mempunyai prestasi akademik yang rendah. Dalam erti kata lain sama ada pelajar itu mempunyai prestasi akademik tinggi atau rendah, keinginan untuk cemerlang mereka dari sudut afektif adalah tidak berbeza secara signifikan. Dalam konteks keputusan kajian ini, prestasi akademik yang tinggi atau rendah bukanlah petunjuk sama ada pelajar itu mempunyai tahap keinginan untuk cemerlang yang tinggi atau rendah dari sudut afektif. Justeru, hasil kajian menunjukkan bahawa keinginan untuk cemerlang sahaja tidak boleh dikaitkan dengan pencapaian

faktor seperti usaha, keupayaan, kebolehan dan sikap

### *Personaliti Dalaman-Luaran*

Tujuan kedua kajian ini adalah untuk melihat sama ada pelajar Melayu memiliki personaliti dalaman.

Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan pelajar-pelajar Melayu memiliki personaliti dalaman dan pada aras sederhana ( $M = 0.57$ ,  $SL = 0.33$ ). Keputusan kajian dan merujuk kepada gambaran personaliti dalaman-luaran yang dikemukakan oleh Rotter (1966), bolehlah digambarkan bahawa pelajar-pelajar Melayu mempunyai kesederhanaan dalam mempercayai bahawa mereka boleh mempengaruhi apa yang berlaku pada diri mereka berlandaskan kepada gandingan keupayaan dan kemahiran yang dimiliki dan usaha yang diletakkan. Pelajar-pelajar ini tidak begitu bersedia untuk mengambil inisiatif dan menetapkan pencapaian sesuatu matlamat.

Bagi Rotter (1966), ciri-ciri personaliti dalaman yang tinggi merupakan personaliti yang boleh membantu mendorong individu ke arah mencapai kecemerlangan. Selain itu menurut Rotter lagi personaliti dalaman-luaran sebagai pusat kawalan diri menyenaraikan ciri-ciri yang ada pada individu untuk membolehkannya mencapai apa yang diinginkan. Seorang individu yang mempunyai personaliti dalaman lebih cenderung untuk mempercayai bahawa mereka boleh mempengaruhi apa yang berlaku pada dirinya berlandaskan kepada gandingan keupayaan dan kemahiran yang dimiliki dan usaha yang diletakkan. Individu ini lebih bersedia untuk mengambil inisiatif dan menetapkan pencapaian sesuatu matlamat.

Malah mengikut Rotter, dengan mengenali pusat kawalan (*locus of control*) yang mana satu individu itu miliki maka, dapatlah dihubungkan sama ada individu itu mempunyai keinginan untuk cemerlang yang tinggi atau sebaliknya. Ini adalah kerana memiliki keinginan untuk cemerlang yang tinggi sahaja tidak menjanjikan pencapaian matlamat. Ianya mestilah disertakan dengan sifat-sifat diri yang boleh membantu pencapaian matlamat. Sehubungan itu sifat mampu untuk mengawal diri dalam menentukan apa yang hendak dilakukan atau tidak, mestilah ada dalam diri, dan sifat ini menjurus kepada personaliti dalaman yang dimiliki oleh individu itu. Hanya individu yang memiliki personaliti dalaman mampu mengawal perlakuannya justeru bersama dengan keinginan untuk cemerlang maka dapatlah menentukan kecemerlangan itu dicapai. Namun demikian, dalam konteks kajian ini pelajar-pelajar Melayu didapati hanya mempunyai personaliti dalaman pada aras sederhana dan didapati selaras dengan keinginan untuk cemerlang yang mana juga pada aras sederhana.

Keputusan kajian ini boleh dijangkakan jika dirujuk kepada keserasian sifat-sifat individu yang mempunyai keinginan untuk cemerlang dan berpersonaliti dalaman pada aras yang tinggi. Menurut Rotter (1966) individu yang lebih kepada personaliti dalaman adalah individu yang lebih cenderung untuk mencapai kecemerlangan berbanding dari mereka

n. Bagi Rotter, personaliti dalaman berkait dengan dan menyokong kepada usaha untuk mencapai kejayaan.

Bagaimanapun, hasil kajian di jadual 2, menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi memiliki personaliti dalaman yang lebih tinggi (min 0.60) berbanding pelajar yang memiliki prestasi akademik yang rendah (min 0.54).

Pada skala REIS analisis min menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min personaliti dalaman di kalangan pelajar yang mempunyai CGPA 3.00 ke atas iaitu 0.60 sementara min pelajar yang mempunyai CGPA kurang dari 2.99 ialah 0.54. Justeru, hasil kajian ini menunjukkan bahawa personaliti pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi (CGPA lebih dari 3.00). adalah lebih tinggi dari mereka yang mempunyai prestasi akademik yang rendah. Keadaan ini dapat diterangkan dalam konteks pelajar-pelajar yang prestasi akademik yang tinggi mungkin lebih matang dan mampu mengawal diri sendiri untuk berusaha untuk mencapai kejayaan. Keadaan ini pula berbeza bagi pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang rendah dan kurang mampu untuk mengawal diri untuk meletakkan usaha bagi menjamin kejayaan.

**Jadual 2: Min, Sisihan Lazim dan Nilai  $t$  Mengikut Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Ukuran REIS**

| Pencapaian Akademik | Bil | Min  | SL   | df  | $t$   | $k$   |
|---------------------|-----|------|------|-----|-------|-------|
| < 2.99              | 100 | 0.54 | 0.50 | 227 | -0.86 | >0.05 |
| > 3.00              | 129 | 0.60 | 0.49 |     |       |       |

Keputusan ujian  $t$  bagaimanapun menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah tidak signifikan ( $t$  (227) = -0.86,  $k$  >.05). Dalam erti kata lain tidak terdapat perbezaan pada personaliti dalaman di antara pelajar yang memiliki pencapaian akademik yang tinggi dengan yang rendah. Dalam ertikata lain sama ada pelajar itu mempunyai prestasi akademik tinggi atau rendah, personaliti dalaman mereka adalah tidak berbeza secara signifikan. Dalam konteks keputusan kajian ini, prestasi akademik yang tinggi atau rendah bukanlah petunjuk sama ada pelajar itu mempunyai tahap personaliti dalaman yang tinggi atau rendah. Justeru, hasil kajian menunjukkan bahawa personaliti dalaman sahaja tidak boleh dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar. Faktor-faktor seperti meletakkan usaha, bantuan dari para pensyarah dan dorongan ibubapa perlu diberi perhatian.



Ada beberapa faktor yang di anggap penting oleh individu dalam menentukan kejayaannya. Bagi individu berpersonaliti dalaman, mereka yakin bahawa kejayaan adalah berpunca dari diri sendiri justeru menganggap Usaha dan Kebolehan sebagai faktor yang penting. Oleh itu faktor seperti Tugas, Nasib dan Bantuan Dari Orang Lain sebagai sesuatu yang tidak begitu penting kerana ini adalah faktor luaran.

Jadual 3 menunjukkan min faktor-faktor yang diatribusikan sebagai penyumbang kepada kejayaan di kalangan pelajar Melayu yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi dan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang rendah.

**Jadual 3: Nilai Min Pelajar Berdasarkan Pencapaian Akademik Dalam Pemilihan Faktor Kejayaan**

| Faktor<br>Kejayaan    | CGPA < 2.99 |      |          | CGPA > 3.00 |      |          |
|-----------------------|-------------|------|----------|-------------|------|----------|
|                       | Min         | SD   | Pangkatn | Min         | SD   | Pangkatn |
| Usaha                 | 1.97        | 0.17 | 1        | 1.98        | 0.12 | 1        |
| Kebolehan             | 1.91        | 0.29 | 2        | 1.87        | 0.34 | 2        |
| Tugas                 | 1.69        | 0.46 | 3        | 1.64        | 0.48 | 3        |
| Bantuan Orang<br>Lain | 1.45        | 0.50 | 4        | 1.57        | 0.50 | 4        |
| Nasib                 | 1.32        | 0.47 | 5        | 1.36        | 0.48 | 5        |

Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu mengatribusikan faktor usaha sebagai asas kepada kecemerlangan akademik. Tinggi atau rendahnya usaha ini bergantung kepada aras keinginan untuk cemerlang dan personaliti dalaman. Kedua-dua pemboleh ubah ini dapat memandu individu ke arah meningkatkan daya usahanya dan dalam konteks kajian ini kedua-dua pemboleh ubah ini berada pada aras sederhana di kalangan pelajar melayu.

## KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar Melayu mengatribusikan sesuatu kejayaan dengan faktor usaha namun dua ciri yang ada pada mereka dan berkait dengan faktor usaha iaitu keinginan untuk cemerlang dan berpersonaliti dalaman berada pada aras sederhana.

Bose, S., Gupta, S.K.D., & Lindgren, H.C. (1979). Achievement Motivation of Engineering and Non Engineering Students in India. *Journal of Social Psychology*, 108, 273 - 274

Brislin, R. W., Lonner, W.J., & Thorndike, R.M. (1973). *Cross-cultural Research Methods*. New York: Wiley.

Brockner, J. (1988). *Self-Esteem at Work*. Lexington, MA: Lexington Books.

Griffore, R. J., Kallen, D. J., Popovich, S., & Powell, V. (1990). Gender differences in correlates of college students' self-esteem. *College Student Journal*, 24, 287-291.

Keats, J.A., Keats, D.M. dan Mohammad Hj. Yusof (1975). Attribusi Pencapaian Sekolah oleh Remaja-remaja Malaysia dan Australia, *Majalah Psikologi*, 3, 1 -10.

Lefcourt, H. M. (Ed.). (1981). *Research with the locus of control construct: Assessment methods (Vol. 1)*. New York: Academic Press.

McClelland D.C. (1953). *The Achieving Motive*. New York: Appleton.

McClelland, D C. (1961). *The Achieving Society*. New Jersey: Van Nostrand.

McClelland, D.C. & Winter, D.G. (1969). *Motivating Economic Achievement*. New York: Free Press

Miller, D. T. (1978). Locus of control and ability to tolerate gratification delay: When is it better to be an external? *Journal of Research in Personality*, 12, 49-56.

Mullis, A.K & Mullis R.L. (1977). Vocational interests of adolescents: relationships between self-esteem and locus of control. *Psychological Reports*. Vol.81 No.3. 1363 ó 71.

Nowicki & Duke, (1983) Nowicki, S. Jr., & Duke, M. P. (1983). The Nowicki-Strickland life-span locus of control scales: Construct validation. In H. M. Lefcourt (Ed.), *Research with the locus of control construct: Developments and social problems* (Vol. 2) (pp. 9-51). New York: Academic Press.

Nunn, G. D. (1987). Concurrent validity between children's locus of control and attitudes toward home, school, and peers. *Educational and Psychological Measurement*, 47, 1087-1089.

idity between the Nowicki-Strickland locus of control  
ntry for children. *Educational and Psychological*

Othman Md Yunus dan Mohmed Mohamad Derus (2006). Of Academic Performance, Personality Types and Self-Esteem. Paper presented at the 3rd International Seminar on Learning and Motivation "*Enhancing Student Engagemen.t*" *Universiti Utara Malaysia*.

Rotter, B. (1966). Generalized Expectancies for Internal versus External Control of Reinforcement. *Psychological Monographs* ,80: Whole No 609. In Rotter J.B. (1975). Some Problems and Misconceptions Related to the Construct of Internal versus External Control of Reinforcement. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 43: 56-67.

Rutter, K. L, Smith, B.P, & Hall, H.C. (2005). The effects of gender and grade level on the motivational needs of family and consumer sciences students. *Journal of Family and Consumer Sciences Education*, Vol 23, No. 2, Fall/Winter, 2005

Strickland, B. R. (1973). Delay of gratification and internal locus of control in children. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 40, 388.

Wan Rafeai, A .R. (1972). An exploratory comparative study in achievement motivation between Malay and Australian secondary school students. *Akademika*, 1, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Rafeai, A.R. (1980). "The role of achievement motivation in developing entrepreneurs. A study among students in Malaysia and United Kingdom." *Paper presented at the Seminar on Psychology and Society*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Oby/mmd